

04/09/2001

Penyenaraian baru di BSKL positif

WALAUPUN keadaan pasaran saham serantau kurang memberangsangkan sejak beberapa tahun lalu namun Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terus menyaksikan pertumbuhan positif dalam penyenaraian baru.

Pengerusi Eksekutif BSKL, Datuk Mohd Azlan Hashim berkata, berikutan itu kira-kira sepertiga daripada syarikat awam di Asean kini adalah membabitkan firma yang disenaraikan di bursa tempatan.

"Jumlah syarikat awam di bursa Asean pada masa ini ialah kira-kira 2,000 dan jumlah syarikat di BSKL pula ialah 807. Ini bermakna sepertiga daripada syarikat awam di Asean ialah di BSKL," katanya ketika berucap Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2001 di Kuala Lumpur semalam.

Sidang kemuncak dua hari itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohd Azlan berkata, daripada 807 syarikat yang disenaraikan di BSKL, 513 adalah di Papan Utama manakala 294 lagi di Papan Kedua. Selain Kuala Lumpur, bursa saham rantau Asean termasuk Bangkok, Jakarta, Manila dan Singapura.

Beliau menegaskan, pelabur yang mengikuti perkembangan pasaran saham dan ekonomi Malaysia perlu menilainya dari sudut yang betul.

"Jika ini dilakukan, mereka akan tahu dengan jelas bahawa pasaran saham dan ekonomi negara bukan saja menarik tetapi terus membina kekukuhan, tahap kecekapan dan daya saing," katanya.

Beliau berkata, usaha BSKL membangunkan pasaran yang lebih mantap, cekap dan berdaya saing itu dikukuhkan lagi oleh penumpuan kepada keseimbangan antara peraturan dengan keperluan peserta pasaran di BSKL.

(END)